

# prihatin

BERITA SPANCO

*sentiasa bersama mu*

JILID 4

11

NOV - DIS



10

JABATAN  
PENJARA MALAYSIA  
TERIMA MPV



14

PETUA  
MEMBERSIHKAN  
KERETA DAN TAYAR



17

CARA  
MENGEKALKAN KEBERSIHAN  
DALAM KERETA

**Kemalangan Dalam 2011  
Tertinggi Dalam Tempoh 5 Tahun  
Pelanggan Perlu Prihatin, Beri Kerjasama**



# Pelanggan Nikmati Perlindungan Penuh

*Pelanggan SPANCO dilindungi sepenuhnya melalui:*



## ■ INSURANS

Insurans perlindungan komprehensif termasuk pemandu (yang dilantik Kementerian/Jabatan) dan empat penumpang.



Lebih 200 PSD

## ■ PUSAT SERVIS DIIKTIRAF

Lebih 200 rangkaian Pusat Servis Diiktiraf di seluruh Malaysia disediakan sebagai khidmat sokongan.



## ■ PEMBAIKAN DAN SENGARAAN

Dengan kos pembaikan dan senggaraan yang tetap, semua kerja servis dan pembaikan yang dilakukan di Pusat Servis Wilayah dan Pusat Servis Diiktiraf SPANCO tidak dikenakan sebarang bayaran tambahan.



## ■ PROGRAM PENGGANTIAN

Kesemua kereta konsesi diganti melalui program penggantian apabila tempoh pajakan 4-5 tahun yang ditetapkan berakhir.



## ■ PERKHIDMATAN BANTUAN SERVIS KEROSAKAN

Pelanggan yang mengalami kerosakan kenderaan boleh mendapatkan khidmat bantuan servis kerosakan, termasuk khidmat tunda yang disediakan oleh SPANCO melalui rangkaian pusat servis.



## ■ KERETA IHSAN/GANTIAN

Khidmat kereta gantian dibekalkan kepada kereta-kereta rasmi bagi kerja servis atau pembaikan yang melebihi 24 jam bekerja.



## ■ TALIAN BEBAS TOL

1-800-88-6999

Pelanggan boleh menghubungi Pusat Panggilan untuk mendapatkan bantuan dan khidmat nasihat pada bila-bila masa.



## ■ PERKHIDMATAN 24 JAM

Pusat panggilan beroperasi 24 jam.



*Pelanggan disarankan untuk memanfaatkan sepenuhnya segala kemudahan yang disediakan.*



## Imbasan 2011 dan Cabaran 2012

MENGIMBAS kembali 2011, antara cabaran besar yang perlu terus ditangani dalam 2012 adalah peratusan jumlah kemalangan yang mencatatkan peningkatan dari 36.23% (2010) kepada 49.46%. Sebanyak 4,728 kes dilaporkan yang membabitkan kos pembaikan berjumlah RM11.02 juta. Ianya merupakan jumlah yang perlu dibendung. Justeru itu, pelanggan SPANCO perlu melihat perangkaan ini dengan lebih serius di samping memainkan peranan lebih tegas menanganinya.

Dari sudut operasi, SPANCO berdepan dilema dan kesulitan berikutan kelewatan mencari pengganti untuk model Proton Perdana selain model yang sesuai buat Proton Waja. Kelewatan ini amat menekan tahap servis yang disediakan ekoran tempoh perkhidmatan kereta model berkenaan terpaksa dilanjutkan melebihi tarikh pajakan.

Begitu pun, sumbangan yang diberikan pelanggan serta kakitangan tidak boleh dinafikan. Walaupun saiz fleet kini menghampiri 10,000 unit iaitu peningkatan berganda berbanding lima tahun yang lalu, namun bilangan kakitangan cuma bertambah seramai 10 orang. Ini merupakan satu pencapaian hebat yang wajar dibanggakan dari segi kecekapan yang ditunjukkan oleh kakitangan SPANCO.

Bagi 2012, cabaran yang dihadapi ialah untuk memastikan pelanggan menjaga dan menggunakan dengan cermat serta selamat kereta-kereta yang dibekalkan kepada mereka. Pelanggan bertanggungjawab memastikan kereta fleet dijaga dengan baik sepanjang tempoh pajakan dan dipulangkan semula dalam keadaan yang serupa sebaik tamat pajakan.

Bagi menyahut cabaran ini, SPANCO akan memberi lebih penekanan terhadap audit servis terutama bagi memastikan dua perkara iaitu pertama; penjagaan kereta yang rapi lagi sempurna dilaksanakan, dan kedua; servis yang dilakukan ke atas kereta-kereta fleet di pusat-pusat servis diiktiraf adalah yang terbaik dan memenuhi piawaian.

SPANCO juga menanti-nantikan perkembangan berkaitan program penggantian secara besar-besaran pada tahun 2012 ini bagi menggantikan kereta yang uzur dan sudah tamat pajakan.

Dalam perkembangan lain, pembukaan Pusat Servis Wilayah (PSW) Bangi yang baru yang kini hampir siap pembinaannya adalah antara kemuncak 2012. Harapan kami ialah supaya PSW Bangi itu kelak mampu melicinkan lagi penyeliaan fleet Kerajaan Persekutuan selain memudahkan lagi pelanggan di Putrajaya berurusan dengan kami.

Akhirnya, pihak pengurusan SPANCO sekali lagi merakamkan sekalung ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada para pelanggan di atas sokongan yang diberikan. Juga ucapan sama kepada kakitangan SPANCO di atas peningkatan tahap kecekapan yang dicapai.

Dengan pengalaman selama 18 tahun menguruskan fleet, ternyata SPANCO kini telah berjaya menyediakan perkhidmatan fleet pada tahap kecekapan yang sangat dibanggakan.

**Dato' Hamzah Mohd Salleh**  
Ketua Pegawai Eksekutif



# prihatin

sentiara bersama mu



## PENAUNG

Dato' Hamzah Mohd Salleh

## SIDANG PENGARANG

Peter Lim  
Zulkifli Abd. Aziz  
Rusman Bassri

## PENERBIT

SPANCO Sdn Bhd (172957-U)  
No. 2, Jalan Perusahaan 2  
Kawasan Perusahaan Batu Caves  
68100 Batu Caves.  
Tel : 03-6192 8888 Faks : 03-6192 8999  
emel : [prihatin@spanco.com.my](mailto:prihatin@spanco.com.my)  
web : [www.spanco.com.my](http://www.spanco.com.my)  
Talian bebas tol : 1-800-88-6999

## PENCETAK

Miracle Offset Print Sdn Bhd  
No. 15, Jalan PBS 14/3  
Taman Perindustrian Bukit Serdang  
43300 Seri Kembangan.  
Tel : 03-8941 4013 Faks : 03-8941 4014

## PERUNDING PENERBITAN

Executive Mode Sdn Bhd (317453-P)

Sila hantar komen, pandangan dan sumbangan karya anda kepada Sidang Pengarang seperti di alamat penerbit yang tertera di atas. Bahan penulisan hendaklah disertakan sekali dengan nama, alamat dan nombor telefon anda. Sidang Pengarang berhak melakukan penyuntingan sebelum karya diterbitkan.

# Menarik keluaran ini



## PERUTUSAN

**03** Imbasan 2011 dan Cabaran 2012

## SERVIS

- 05** Kemalangan Dalam 2011  
Tertinggi Dalam Tempoh 5 Tahun:  
Pelanggan Perlu Prihatin, Beri Kerjasama
- 07** Setiap Kereta Fleet Terima Purata Satu  
Saman Sepanjang 2011
- 08** Tahap Servis Suku Keempat 2011:  
Purata VOR 237 Unit Sehari

## KORPORAT

- 10** Jabatan Penjara Malaysia Terima MPV
- 11** Kekalkan Warisan Dan Kembangkan  
Seni Melalui Kalendar Korporat

## TEKNOLOGI

- 12** Fakta Di Sebalik Mitos Kenderaan  
Elektrik



## PENJAGAAN KERETA

- 14** Petua Membersihkan Kereta dan Tayar
- 16** 10 Petua Penyenggaraan Kereta Yang  
Mudah dan Cepat
- 17** Cara Mengekalkan Kebersihan Dalam  
Kereta



## PENGURUSAN FLEET


- 18** Merancang Strategi Fleet Yang  
Berkesan (Bahagian Kedua)

## KESELAMATAN

- 20** Hujan Jejaskan Tahap Pemanduan Dan  
Keadaan Jalan Raya
- 21** Tip Menghadapi Banjir Kilat

## KESIHATAN

- 22** Memandu Dengan Selamat Apabila  
Usia Meningkat – Bagaimanakah  
Kesihatan Fizikal Anda?






# Kemalangan Dalam 2011 Tertinggi Dalam Tempoh 5 Tahun

## Pelanggan Perlu Prihatin, Beri Kerjasama

Carta 1

Perbandingan Perangkaan Tahun Ke Tahun (2007 - 2011)



KADAR kemalangan jalan raya yang menimpa fleet Kerajaan Persekutuan di bawah seliaan SPANCO didapati mencatatkan angka tertinggi dalam tempoh 5 tahun.

Ini berikutan statistik terkini mendedahkan Fleet mengalami kadar kemalangan sebanyak 49.46% bagi tahun 2011 meningkat dari 36.23% bagi 2010, 29.28% (2009), 33.50% (2008) dan 30.19% (2007).

Secara perbandingan dan berpanduan perangkaan yang diperoleh daripada Kementerian Pengangkutan\*, kadar kemalangan Kebangsaan bagi 2010 dan 2009 adalah masing-masing 3.77% dan 3.71%.

Jumlah kes dan kos kemalangan fleet SPANCO pula adalah yang tertinggi


yang pernah direkodkan dalam tempoh 10 tahun iaitu sebanyak 4,728 kes membabitkan kos pembaikan RM11.02 juta.

Bagaimanapun purata kos pembaikan setiap kemalangan menurun kepada RM2,331 bagi 2011, dari RM2,451 bagi

2010 dan RM2,840 bagi 2009.

Saiz fleet adalah 9,559 unit pada akhir 2011, meningkat dari 5,890 unit pada 2007 iaitu pertambahan sebanyak 62%. Namun bagi tempoh yang sama, jumlah kemalangan meningkat kepada 4,728 kes dari 1,778 kes iaitu pertambahan sebanyak 166%.

Carta 2



Kesan langsung dari kemalangan yang meningkat ialah peningkatan masa rosak iaitu apabila kereta dimasukkan ke pusat servis untuk waktu yang lebih lama bagi menjalani pembaikan. Ini menyukarkan pelanggan kerana tempoh kereta bersedia untuk digunakan (availability), menurun.

\* Catatan: **2010** – jumlah kenderaan terkumpul di seluruh negara adalah sebanyak 20.19 juta dengan kes kemalangan sebanyak 414,421 melibatkan 760,433 kenderaan. **2009** – 19.02 juta kenderaan terkumpul dan 397,330 kes kemalangan melibatkan 705,623 kenderaan.

### Kemalangan sendiri paling kerap berlaku

Sementara itu, 'kemalangan sendiri' iaitu yang tidak melibatkan pihak lain adalah yang paling kerap berlaku ke atas fleet SPANCO.

Antara 'kemalangan sendiri' yang dikesan adalah seperti terbabas, terlanggar lubang, tiang atau pembahagi jalan dan sebagainya.

Sebanyak 4,275 kes kemalangan jenis itu dilaporkan sepanjang 2011 dengan menelan kos RM6.21 juta untuk membaikinya.

Manakala jenis kemalangan kedua terbanyak yang dilaporkan pada 2011 ialah 'kerosakan harta pihak ketiga' dengan 273 kes membabitkan kos pembaikan RM2.31 juta.

Bagaimanapun purata perbelanjaan untuk membaiki kerosakan akibat 'kemalangan sendiri' didapati jauh lebih rendah berbanding 'kerosakan harta pihak ketiga' iaitu masing-masing pada RM1,454 dan RM8,471 bagi setiap kes.

#### Jadual 1

#### Jumlah Kes Kemalangan dan Kos Pembaikan Mengikut Jenis Bagi 2011

BIL	KATEGORI	KES	KOS PEMBAIKAN
1	Kemalangan Sendiri	4,275	RM6.21 juta
2	Kerosakan Harta Pihak Ketiga	273	RM2.31 juta
3	Lupus	32	RM1.03 juta
4	Dilanggar (KFK)	83	RM625 ribu
5	Kecurian	9	RM487 ribu
6	Langgar Binatang	34	RM209 ribu
7	Kerosakan Ketika Meletakkan Kereta	19	RM108 ribu
8	Kehilangan Aksesori (ke atas kereta yang dicuri)	3	RM42 ribu
<b>Jumlah</b>		<b>4,728</b>	<b>RM11.02 juta</b>

Bagi 2012 dan tahun-tahun yang seterusnya, Pengurusan Fleet Profesional mensasarkan untuk menurunkan jumlah kes dan kos kemalangan.


Justeru SPANCO meminta kerjasama sepenuhnya dari agensi, jabatan dan kementerian Kerajaan Persekutuan yang menggunakan kereta fleet supaya lebih berwaspada semasa memandu bagi mengelak nahas dan menurunkan angka kemalangan ke tahap yang lebih terkawal.



Kesan langsung dari kemalangan yang meningkat ialah peningkatan masa rosak iaitu apabila kereta dimasukkan ke pusat servis untuk waktu yang lebih lama bagi menjalani pembaikan.



# Setiap Kereta Fleet Terima Purata Satu Saman Sepanjang 2011



Saman PDRM yang diterima Fleet SPANCO (2007 - 2011)

FLEET Kerajaan Persekutuan yang diselia SPANCO menerima sejumlah 9,398 saman Polis Di-Raja Malaysia (PDRM) kerana pelbagai kesalahan trafik sepanjang 2011.

Dengan bilangan kereta pada 9,559 unit bermakna hampir semua kereta fleet secara purata melakukan satu kesalahan dan disaman oleh polis dalam tempoh 12 bulan dari Januari hingga Disember 2011.

Bagaimanapun, sebanyak 26,685 saman PDRM yang tertunggak telah diselesaikan oleh pelanggan pada 2011 berbanding 10,196 saman pada 2010, 14,624 saman (2009), 9,564 saman (2008) dan 4,007 saman (2007).

Jumlah keseluruhan saman PDRM yang tertunggak pula menurun dari tahun ke setahun. Pada penghujung 2011, sebanyak

39,833 saman masih belum diselesaikan, menurun dari 57,120 bagi tempoh yang sama pada tahun sebelumnya (2010), 57,565 saman (2009), 55,654 saman (2008) dan 47,547 saman (2007).

Sementara itu, sebanyak 4,876 saman yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa tempatan di seluruh negara dikesan masih belum diselesaikan atau dibayar oleh pelanggan setakat akhir 2011.

Berikutan keadaan itu, pihak Pengurusan Fleet Profesional akan mengeluarkan senarai saman dan menyerahkannya kepada setiap individu yang melakukan kesalahan.

Bagi melancarkan lagi pentadbiran, Pengurus Kanan, Mohd Suhaimi Hashim

menerajui pengurusan saman fleet dengan dibantu oleh Eksekutif Akaun, Amir Zubaidi bermula Disember 2011.



...hampir semua kereta fleet secara purata melakukan satu kesalahan dan disaman oleh polis dalam tempoh 12 bulan dari Januari hingga Disember 2011.





# Tahap Servis Suku Keempat 2011 Purata VOR 237 Unit Sehari

PURATA kenderaan yang tidak dapat digunakan (VOR) dalam sehari bagi tempoh suku keempat 2011 (Oktober, November dan Disember) adalah 237 unit berbanding 222 unit, 218 unit dan 203 unit masing-masing bagi suku pertama, kedua dan ketiga sebelumnya.

Dari segi nisbah pula (jumlah kereta tidak boleh gerak berbanding jumlah keseluruhan kereta di dalam fleet), purata VOR adalah 2.48% bagi suku keempat 2011 berbanding 2.36% (suku pertama), 2.28% (suku kedua) dan 2.12% (suku ketiga).

Bagi keseluruhan 2011, fleet Kerajaan Pusat di bawah seliaan SPANCO mencatatkan purata VOR sebanyak 220 unit atau 2.31%.

Pengurusan Fleet Profesional telah mensasarkan purata VOR sebanyak 200 unit atau kurang untuk 2011 dan seterusnya. Dengan saiz fleet kini hampir mencecah 10,000 unit dan angka ini bersamaan 2%.

Sebelum 2011, sasaran VOR adalah 3% daripada saiz fleet.

## Tempoh senggaraan

Tempoh senggaraan (turnaround time) bagi tugas servis pada suku keempat 2011 adalah 70% disiapkan pada hari yang sama manakala 12% mengambil masa sehari, 5% (2 hari), 7% (3 hingga 5 hari) dan 6% (6 hari atau lebih).

Sejumlah 8,793 tugas (83%) yang dilakukan di pusat-pusat servis diiktiraf (PSD) SPANCO di seluruh negara, berjaya disiapkan pada hari yang sama bagi tempoh yang serupa.

Bagi keseluruhan 2011, sejumlah 54,025 tugas servis (71%) berjaya disiapkan pada hari yang sama, 9,277 (12%) mengambil masa sehari, 3,510 atau 5% (2 hari), 4,914 atau 6% (3 hingga 5 hari) dan bakinya 4,275 atau 6% (6 hari atau lebih).

Justeru, SPANCO kini meletakkan sasaran dan komitmen untuk mempercepatkan lagi tempoh kerja atau tugas disiapkan setiap kali kereta dibawa masuk ke pusat servis.



## Penjelasan istilah

**VOR** adalah istilah dalam industri automotif bermaksud kenderaan yang sedang menjalani servis sama ada berjadual ataupun baik pulih, justeru tidak dapat digunakan.

**Turnaround time** ialah tempoh senggaraan iaitu masa yang diambil untuk menyiapkan sesuatu tugas servis.

**Throughput** bermaksud jumlah tugas servis.



## Throughput

Bagi suku keempat 2011, sebanyak 19,172 tugas servis dilaksanakan ke atas kereta-kereta fleet Kerajaan Pusat yang diselia oleh SPANCO.


Secara perbandingan, sebanyak 17,955 tugas servis disempurnakan sepanjang suku pertama 2011; manakala 20,358 (suku kedua) dan 18,727 (suku ketiga).

Bagi keseluruhan 2011, sejumlah 76,212 tugas servis dilakukan oleh SPANCO ke atas fleet.

Daripada jumlah itu, 43,009 (56 %) dilakukan di PSD, 19,512 (26 %) di Pusat Servis Wilayah (PSW) Batu Caves dan selebihnya 13,691 (18 %) di PSW Bangi.


Pelanggan SPANCO dijamin dengan tahap perkhidmatan fleet yang bermutu tinggi sejajar piawaian Pengurusan Fleet Profesional sekalipun dengan pertambahan 'throughput' berikutan saiz fleet yang terus meningkat.

Carta 1 Jumlah Servis Mengikut Tempoh Disiapkan Bagi Suku Keempat 2011




Carta 2

Keseluruhan Servis SPANCO Mengikut Tempoh Senggaraan Bagi Suku Keempat 2011



Carta 3 Analisis 'Throughput' SPANCO Bagi Suku Keempat 2011



SPANCO kini meletakkan sasaran dan komitmen untuk mempercepatkan lagi tempoh kerja atau tugas disiapkan setiap kali kereta dibawa masuk ke pusat servis.





# Jabatan Penjara Malaysia Terima MPV

SATU majlis penyerahan Proton Waja MPV Jabatan Penjara Malaysia telah berlangsung di Pusat Servis Wilayah (PSW) Batu Caves pada 3 November 2011.

Pada majlis itu, empat unit MPV (mobile petrol vehicle) diserahkan secara rasmi oleh SPANCO kepada pihak Jabatan

Penjara Malaysia yang diwakili Penguasa Kanan Penjara, Tuan Rosman Norman.

Rombongan Jabatan Penjara Malaysia yang turut disertai beberapa pegawai dan anggota yang lain dibawa melawat sekitar PSW Batu Caves bagi meninjau operasi Pengurusan Fleet Profesional dengan lebih dekat.



Rombongan Jabatan Penjara Malaysia disambut mesra oleh pengurusan SPANCO sebaik tiba di PSW Batu Caves.



Mengadakan perbincangan mengenai isu-isu perkhidmatan fleet.



Para pegawai Jabatan Penjara Malaysia mendengar taklimat mengenai operasi Pengurusan Fleet Profesional.



Tiga Proton Waja MPV yang sedia untuk dipandu.



Memeriksa dan meneliti MPV yang bakal digunakan.



Menguji lampu 'beacon' pada salah sebuah MPV.



Penguasa Kanan Penjara, Tuan Rosman Norman (kiri) menerima replika kunci kereta yang disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Dato' Hamzah Mohd Salleh.



Dari kanan: Pengurus Pentadbiran Fleet, Suradi Haji Sulaiman dan Pengurus Kanan Operasi, Zulkifli Abd Aziz bergambar bersama-sama Dato' Hamzah, Tuan Rosman dan dua pegawai kanan Jabatan Penjara Malaysia.





# Kekalkan Warisan Dan Kembangkan Seni Melalui Kalendar Korporat

KALENDAR adalah aksesori pejabat yang sering menghiasi meja dan dinding pejabat mahupun di rumah.

Ia bukan saja praktikal bagi memenuhi fungsi sebagai pemberitahu tarikh dan bulan tetapi pada ruangan itu kita boleh mencatatkan nota temu janji dan program. Malah kalendar adalah penghias ruang yang menarik dan memaparkan mesej tersendiri.

Anda boleh mendapatkan pelbagai bentuk, corak dan saiz kalendar yang memenuhi dwi fungsi ini. Ia dikeluarkan syarikat dan organisasi dengan menampilkan pelbagai gambar, lukisan serta imej di dalamnya.

Bermula pada 2005, SPANCO telah mengeluarkan kalendar meja bertemakan seni rupa (art) iaitu menghiaskan ruang setiap bulan dengan karya-karya seni yang dihasilkan oleh karyawan dan artis-artis tempatan.

Tujuan memaparkan seni rupa Malaysia pada kalendar korporat SPANCO ialah untuk membantu mempromosikan seni kepada masyarakat umum dan pada masa sama memperkayakan lagi khazanah budaya negara.

Antara karya pelukis tersohor yang pernah menghiasi kalendar SPANCO ialah Datuk Syed Ahmad Jamal, Jalaini Abu Hassan, Yusuf Ghani, Kow Leong Kiang, Ahmad Zakii Anwar, Raja Azhar Idris, Eric Peris, Bayu Utomo Radjikin, Redza Piyadasa, Wong Hoy Cheong, Raja Shahrirman dan Amron Omar.

Bagaimanapun SPANCO tidak sekadar mempamerkan karya-karya seni garapan tangan artis terkenal Malaysia, malah menyokong artis-artis yang baru bertapak dan kini berjaya mengukir nama mereka di persada seni tanah air.

Kandungan kalendar 2005 memaparkan karya seni lukisan bertemakan kehidupan budaya Malaysia, kalendar 2006 meneruskan tradisi itu tetapi dengan tidak membatasinya kepada medium lukisan saja tetapi mengetengahkan seni rupa daripada medium arca.

Kalendar 2007 menyaksikan lebih banyak lagi kepelbagaian medium digunakan dalam seni rupa yang dihasilkan. Kalendar 2008 menyajikan hasil seni rupa artis-artis kontemporari Malaysia dengan terus mengekalkan medium yang pelbagai dan bercampur.

Kalendar 2009 bertemakan karya kecil tetapi molek dengan keyakinan bahawa karya-karya berukuran kecil itu sesungguhnya tidak kurang hebatnya berbanding yang berukuran besar.

Kalendar 2010 memaparkan karya-karya penting dan signifikan sesuai dengan penampilan kalendar SPANCO yang sudah mula dikenali sebagai ikon seni tempatan.

Kalendar 2011 memperkenalkan karya-karya dari jenis fotografi, sebagai satu lagi cabang seni moden dan kontemporari yang cukup penting.

Akhir sekali yang terbaru bagi 2012, SPANCO memaparkan karya generasi baru artis Malaysia yang jelas menunjukkan bahawa mereka telah

cuba menerokai bidang, idea dan bahan yang baru dalam penghasilan karya seni masing-masing.

Melalui paparan seni rupa pada kalendar korporat yang diedarkan kepada pelanggan setiap tahun, SPANCO berharap dapat memainkan serba sedikit peranan menyedarkan masyarakat mengenai seni.


Sebagai organisasi yang cukup mengambil berat kewajipan sosialnya kepada masyarakat, SPANCO berbangga memikul sebahagian daripada tanggungjawab untuk memelihara dan mengekalkan warisan seni melalui dokumentasi karya seni pada kalendar korporatnya.

Semoga warisan seni Malaysia terus kekal dipelihara, dipupuk dan dikembangkan untuk generasi akan datang.



Tujuan memaparkan seni rupa Malaysia pada kalendar korporat SPANCO ialah untuk membantu mempromosikan seni kepada masyarakat umum dan pada masa sama memperkayakan lagi khazanah budaya negara.





# Fakta Di Sebalik Mitos Kenderaan Elektrik

MUNGKIN masih ramai yang dibelenggu kekeliruan mengenai mitos dan fakta berkaitan kenderaan elektrik (EV). Apakah realiti atau fakta mengenai EV dan benarkah ada mitos di sebaliknya?

## 1. EV bukan kereta yang 'sebenar'

Zaman sudah berubah sejak penawaran 'quadricycles' yang murah buatannya atau yang telah diubahsuai dari enjin petrol.

Buktinya, Nissan Leaf adalah kereta elektrik pertama yang menerima penarafan lima bintang dalam ujian pelanggaran Euro NCAP 2011. Ia turut memenangi Anugerah Kereta Jepun 2011-2012 dan merupakan sebuah kereta sektor-C yang praktikal lagi selesa.

Prestasi pula tidak menjadi masalah bagi EV generasi baru kerana pacuan dan daya kilas (torque) pada julat sederhana mencukupi untuk bersaing dengan kereta konvensional. Kelajuan maksimumnya juga sesuai untuk lebuhraya.

## 2. Jarak EV terbatas

Dari sudut tertentu ia memang benar jika anda hanya merujuk kepada spesifikasi kenderaan.

Keupayaan kebanyakan EV pada masa ini adalah terhad dan hanya boleh



Fleet yang beroperasi dalam kawasan yang ditetapkan atau dari lokasi pusat, boleh menggunakan EV dengan mudah sekiranya mereka membina stesen pengecas.

dipandu antara 50 hingga 130 batu dengan bateri yang dicas penuh. Namun, secara praktikalnya kebanyakan jarak perjalanan harian bagi penggunaan biasa adalah dalam lingkungan itu. Faktor penentu lain adalah berat kenderaan, kejuruteraan, reka bentuk, jenis bateri, cuaca dan penggunaan pemanas serta penyaman udara.

Fleet yang beroperasi dalam kawasan yang ditetapkan atau dari lokasi pusat, boleh menggunakan EV dengan mudah sekiranya mereka membina stesen pengecas.

## 3. EV adalah mahal

Harga EV agak mahal, tetapi di UK, geran sehingga £5,000 bagi setiap kereta disediakan sehingga akhir Mac 2012. Untuk lima tahun yang berikutnya, EV menerima pelbagai insentif seperti pengecualian cukai jalan serta layak untuk mendapat Elaun Penurunan Nilai



tahun pertama sepenuhnya. EV juga dikecualikan daripada caj kesesakan London sebanyak £10 sehari sekali gus ini satu potensi penjimatan sebanyak £2,500 setahun.

Bergantung kepada tarif elektrik yang digunakan, kos tenaga hanyalah sebanyak 2p sebatu dan cas penuh untuk 90-100 batu pula serendah £1.

Servis, penyenggaraan dan pembaikan EV juga lebih mudah. Kos penjagaan lebih rendah kerana ia mempunyai kurang alat ganti yang bergerak berbanding enjin dan transmisi konvensional.

Ditambah dengan caj kesesakan, EV mampu menjimatkan £10,000 (tidak termasuk kos pembiayaan) sepanjang tempoh empat tahun atau 36,000 batu.



#### 4. Bateri EV akan jadi kurang efektif

EV yang terbaru telah dikaji secara menyeluruh melalui percubaan dan ujian. Bagi pemilik fleet di UK, terdapat syarikat yang menawarkan pajakan komprehensif semua dalam satu yang merangkumi servis, penyenggaraan dan pembaikan serta jaminan bateri lanjutan.

Keupayaan bateri sememangnya akan menyusut dengan kitaran cas yang kerap, bermula 5 hingga 7 tahun selepas digunakan. Sesudah tempoh itu, cas penuh tidak mungkin memberikan kuasa setanding bateri baru.

Maka keperluan ini perlu dipertimbangkan kerana fleet mungkin akan menyimpan EV untuk tempoh lebih lama berbanding kenderaan biasa bagi mengimbangi kos perolehan yang tinggi. Selain itu faktor bateri turut memberi kesan ke atas nilai susut.

#### 5. EV tidak lebih 'mesra alam' berbanding kereta biasa

Mengecas EV dengan kuasa elektrik dari sumber gas atau arang batu masih menyumbang kepada pelepasan karbon yang ketara. Bagaimanapun, pengguna EV di negara-negara maju lazimnya memilih elektrik yang dijana dari sumber yang boleh diperbaharui kerana tarif yang ditawarkan lebih rendah.

Sesetengah fleet yang komited di UK turut membina turbin angin atau panel solar sendiri di premis mereka untuk menambah kuasa grid.

Walaupun pembuatan EV lebih intensif karbon, kajian terkini bagi Perkongsian Kenderaan Berkarbon Rendah mendapati, untuk tempoh hayat yang diunjurkan, ia masih lebih mesra berbanding kereta petrol dan diesel.

Secara keseluruhan, pengeluaran karbon dioksida EV adalah jauh lebih rendah dan ia tidak menghasilkan pencemaran melalui ekzos.

Pengeluar juga sedang berusaha mencari jalan untuk mengitar semula dan membaiki pulih bateri yang sudah lupus bagi mengurangkan kesan terhadap alam sekitar.

#### Kesimpulan


Hakikatnya, EV sudah lama wujud. Fakta menunjukkan pada awal tahun 1900-an, bilangan kenderaan elektrik di Amerika Syarikat adalah lebih banyak berbanding kereta yang menggunakan petrol.

Mulai 1999, hampir semua pengeluar kereta utama seperti Ford, General Motors, Toyota, Chrysler dan Honda – menawarkan sekurang-kurangnya satu model EV tetapi bilangannya berkurangan menjelang 2002 di mana kebanyakan syarikat mengusahakan kenderaan hibrid dan kenderaan sel bahan api.

Kini, EV dengan rekaan yang maju boleh bergerak sepantas kenderaan biasa dan

memberikan tahap keselamatan dan prestasi yang sama. Dalam sesetengah kes, EV mempunyai daya pecutan yang lebih baik kerana ciri-ciri motor elektrik pada kelajuan rendah.

sumber: Fleet News





# Petua Membersihkan Kereta dan Tayar

TUJUAN mencuci kereta ialah untuk menghilangkan kotoran. Justeru, anda patut mencucinya sekurang-kurangnya sekali seminggu kerana kereta sering terkena kekotoran seperti habuk, getah pokok, lumpur dan najis burung. Jika tidak dibersihkan segera, boleh memudahkan cat kereta.

Untuk membersihkan kereta, anda memerlukan air yang mencukupi, kain, span atau berus lembut dan bersih serta sabun pencuci kereta. Gunakan hos yang mempunyai muncung semburan jenis picu untuk menjimatkan air.

Pilihlah tempat yang teduh sebelum memulakan cucian. Mencuci kereta di bawah terik matahari boleh menyebabkan sesetengah permukaan kering lebih cepat lalu meninggalkan kesan atau jalur.



Kalangan profesional mengesyorkan supaya kereta dicuci bermula dari bahagian atas dan kemudian ke bawah serta satu demi satu bahagian, walaupun ada yang beranggapan bahawa memulakan basuhan dari bahagian bawah adalah kaedah yang lebih baik.

Kereta tidak mudah calar jika dicuci dari bahagian atas ke bawah kerana lazimnya bahagian bawah kereta terutama pada belakang tayar adalah tempat kekotoran berpasir terkumpul.



Anda patut mencucinya sekurang-kurangnya sekali seminggu kerana kereta sering terkena kekotoran seperti habuk, getah pokok, lumpur dan najis burung.

Bermakna mencuci dari atas ke bawah mengurangkan risiko mengotorkan air, span dan berus seterusnya mengurangkan kemungkinan tercalar dan kesan gosokan pada cat kereta.

## PANDUAN ASAS

1. Basahkan seluruh permukaan kereta dengan air untuk menanggalkan kekotoran yang longgar.
2. Basuh dan bilas satu bahagian pada satu masa, dari atas ke bawah untuk menghalang satu bahagian daripada kering terlalu cepat dan meninggalkan kesan.
3. Gosok permukaan kereta dengan lembut bagi menanggalkan kekotoran. Menggosok dengan kuat boleh menyebabkan kotoran seperti pasir menggores permukaan cat.
4. Bilas kain pencuci atau span dengan kerap bagi mengelakkan kotoran yang terkumpul daripada mencalar cat kereta.
5. Gunakan air yang banyak bagi menghilangkan kotoran.
6. Selepas bilasan terakhir, lap lebihan air pada permukaan kereta untuk





mengelakkan tanda bintik-bintik air. Tuala lembut (*chamois*) disyorkan untuk mengelap. Pastikan tuala itu bersih untuk mengelakkan calar dan lap dengan lembut untuk menyerap air tanpa merosakkan cat.

7. Jika anda tinggal di kawasan berpasir, pastikan bilas di bahagian dalam roda secukupnya, terutama bahagian bawah *fender* di mana garam dan pasir terkumpul. Anda boleh gunakan hos bertekanan tinggi yang terdapat di pusat mencuci kereta untuk langkah tambahan ini.

### LEBIH TERPERINCI

Satu cara paling mudah dan berkesan supaya kereta anda nampak cantik ialah memastikan tayar, rim dan lain-lain bahagian luaran bersih. Cuci rim dahulu, jika tidak, gris dan kotoran akan menyelaputi tayar anda yang bersih dan berkilat.

Rim hadapan kebanyakan kereta nampak lebih kotor berbanding rim belakang kerana cakera brek, yang lazimnya terdapat pada tayar hadapan kebanyakan kereta, mengeluarkan habuk brek. Dengan pencuci rim biasa, anda hanya perlu sembur dan sapu selepas 30 hingga 60 saat.

Tetapi pilihlah jenis pencuci yang sesuai dan fahami arahan yang tertera. Jenis yang salah boleh merosakkan rim atau penutup. Jika tidak pasti jenis rim atau penutup tayar anda, rujuk manual yang disediakan.

Selepas mencuci kereta dan rim, gunakan bahan pelindung pada tayar. Kebanyakan bahan itu hanya perlu disembur dan tidak perlu disapu – hasilnya, tayar kelihatan bersih dan berkilat, yang akan menyerlahkan lagi kebersihan kereta anda.

Terdapat produk pencuci yang serupa bagi perapi vinil atau getah di luar kereta. Untuk sentuhan terakhir, gilap perapi krom dengan produk khas untuk krom. Penggilap krom direka untuk membersihkan kesan pengoksidaan bagi mengilatkan semula krom.





# 10 Petua Penyenggaraan Kereta Yang Mudah dan Cepat

PENJAGAAN secara berkala akan mengekalkan kereta dalam keadaan baik. Menariknya, anda tidak perlu menjadi mekanik untuk melakukan perkara-perkara mudah yang dapat memanjangkan hayat dan melindungi pelaburan anda. Jom! Kami ada 10 petua penyenggaraan kereta yang mudah dan cepat untuk anda praktikkan.



## Petua 1 – kerap periksa tekanan tayar

Petua ini penting untuk dua perkara.

Pertama, dengan sentiasa memastikan angin pada tayar mencukupi, anda dapat memanjangkan hayat tayar dan mengelakkan ia daripada menjadi haus secara tidak sekata. Yang kedua, tekanan tayar yang betul membantu menjimatkan minyak.



## Petua 2 – tukar minyak enjin seperti disarankan

Salah satu perkara terbaik yang boleh dilakukan

untuk kereta anda ialah menukar minyak pelincirnya seperti disarankan pengeluar. Ini membantu enjin kereta beroperasi dengan baik dan mencegah kehausan awal pada komponen dalaman.



## Petua 3 – gilirkan tayar setiap 5,000 batu

Tahukah anda bahawa tayar akan

haus secara tidak sekata sekiranya dibiarkan pada roda yang sama?

Gilirkan tayar hadapan ke belakang untuk memanjangkan hayatnya. Untuk kemudahan anda, banyak pusat servis kini akan menggilirkan tayar apabila anda menghantar kereta untuk diservis.



## Petua 4 – periksa tali sawat enjin

Tiada yang lebih teruk daripada terkandas akibat tali sawat yang putus. Periksalah tali sawat setiap bulan dan perhatikan tanda-tanda haus dan rosak.



## Petua 5 – periksa bateri

Pastikan paras air cukup dan terminal dibersihkan. Untuk bateri bebas

senggaraan, periksa penunjuk bateri bagi mengetahui tahap cas.



## Petua 6 - periksa tahap minyak enjin

Ini boleh dilakukan ketika anda memeriksa paras cecair yang lain

seperti cecair penyejuk, stereng berkuasa, transmisi dan pencuci cermin hadapan. Sekiranya perlu ditambah, rujuk manual untuk cara melakukannya dengan betul.



## Petua 7 – periksa penapis udara

Ini adalah satu lagi alat yang boleh mempengaruhi penggunaan bahan api. Penapis udara yang tersumbat atau kotor boleh

menjejaskan prestasi kereta anda. Kebanyakan pusat servis akan memeriksa penapis udara anda semasa menukar minyak enjin.



## Petua 8 – periksa brek secara berkala

Anda patut tahu bahawa pembaikan brek kadangkalanya terlalu mahal.

Memeriksa brek dari semasa ke semasa akan memastikan kita dapat mengelakkan kos pembaikan yang tinggi itu.



## Petua 9 – periksa pengelap cermin hadapan

Komponen ini sering terlepas pandang namun

penting untuk memastikan keselamatan anda ketika memandu. Yang mudahnya, sekira sukar melihat di dalam hujan, bermakna tibalah masanya untuk anda menukar pengelap tersebut.



## Petua 10 – pastikan kereta sentiasa bersih

Membasuh bahagian luar kereta dengan kerap

akan melindungi pelaburan anda dan menjadikan kereta anda nampak baharu.

Semua petua penyenggaraan kereta ini sebenarnya agak mudah. Sekiranya anda mengamalkan dan melakukannya mengikut tempoh yang dicadangkan, anda dapat memanjangkan hayat kereta anda dengan ketara.



# Cara Mengekalkan Kebersihan Dalam Kereta

KEBANYAKAN pemandu terutama ibu bapa, mendapati sukar untuk memastikan bahagian dalam kereta kekal bersih dan kemas. Berikut ada beberapa petua untuk menjaga kebersihan dalam kereta anda:

## 1. Mulakan dengan ruang dalaman yang bersih

Luangkan masa untuk membersihkan bahagian dalam kereta. Bahagian dalam kereta yang tampak bersih dapat menyuntik semangat kita supaya mengekalkan keadaannya.

## 2. Letakkan beg sampah

Setiap kereta perlu mempunyai beg sampah. Anda boleh membeli bakul sampah khas untuk kereta atau gunakan beg plastik. Gantung satu beg plastik di tempat yang sesuai supaya mudah dicapai. Kosongkan setiap kali anda keluar daripada kereta anda.

## 3. Jangan makan dan minum di dalam kereta

Tumpahan minuman terutama yang bergas akan meninggalkan kesan yang sukar dibersihkan. Bagi ibu bapa yang mempunyai anak kecil, disarankan supaya jangan sama sekali benarkan barang makanan di dalam kereta.

## 4. Kerap bersihkan habuk

Gunakan vakum bagi membersihkan lantai dan tempat duduk kereta sebaik-baiknya setiap satu hingga tiga bulan.

## 5. Harumkan kereta anda

Satu lagi faktor penting adalah bau. Sisa makanan yang jatuh di celah-celah dan bawah tempat duduk akan mengeluarkan bau busuk. Anda mungkin tidak perasan kerana sudah biasa dengan bau itu tetapi orang lain yang memasuki kereta anda dapat menghidunya. Justeru gunakan pewangi supaya kereta anda berbau lebih harum dan segar.

## 6. Pastikan dalam kereta anda tidak bersepah

Keluarkan barangan yang tidak diperlukan, susun serta pastikan bahagian dalam kereta anda sentiasa kemas dan boleh dibanggakan.





# Merancang Strategi Fleet Yang Berkesan

(Bahagian Kedua)

PADA edisi lalu, bahagian pertama artikel ini membicarakan peranan pengguna dalam perancangan fleet serta ciri-ciri pengukur kecekapan fleet. Dalam sambungan Bahagian Kedua ini, PRIHATIN memaparkan faktor-faktor lain yang perlu dipertimbangkan seperti kitaran penggantian, perolehan, penyumberan luar, pelestarian dan bahan api alternatif.

## Keberkesanan

- **Adakah wajar pengurusan fleet menjadi sebahagian daripada strategi perniagaan?**

Pengurusan fleet perlu menjadi sebahagian daripada pelan perniagaan yang merangkumi matlamat dan sasaran perkhidmatan terperinci di dalam objektif korporat sesebuah organisasi. Ia mestilah mempunyai kaitan yang jelas dengan bajet kewangan dan program permodalan selain latihan serta pembangunan modal insan.

- **Apakah akan berlaku jika pengurusan fleet tidak diuruskan dengan baik?**

Jika prestasi pengurusan fleet tidak dipantau dengan berkesan, anda akan menghadapi kesukaran menguruskannya dan timbul risiko di mana pengurusan fleet kelak beroperasi secara berasingan di dalam organisasi.



**Pengurusan fleet perlu menjadi sebahagian daripada pelan perniagaan yang merangkumi matlamat dan sasaran perkhidmatan terperinci di dalam objektif korporat sesebuah organisasi.**

Pengurusan fleet yang tidak berkesan atau tidak cekap boleh mengurangkan mutu perkhidmatan dan menjejaskan kewangan sesebuah syarikat.

- **Berapa kerap kenderaan perlu diganti?**

Kenderaan patut diganti sejajar dasar penggantian yang digariskan organisasi. Dasar itu mengambil kira faktor-faktor seperti:

- keadaan;
- perbatuan;
- usia;
- kos 'hayat keseluruhan', dan
- kesan terhadap alam sekitar.

Organisasi hendaklah menilai tempoh penggantian yang optimum bagi setiap jenis kenderaan. Contohnya, kereta diganti selepas empat tahun atau 80,000 batu.

Penggiliran kenderaan yang melibatkan pemindahan antara lokasi atau jabatan boleh dilaksanakan untuk menyamaratakan perbatuan.

- **Apakah kesannya jika gagal merancang penggantian fleet untuk masa depan?**

Secara amnya, apabila usia kenderaan semakin meningkat, kos penyelenggaraannya turut meningkat tetapi keutuhannya menurun.

Kegagalan merancang lebih awal boleh menyebabkan bajet penggantian tidak dimasukkan seterusnya kenderaan tidak dapat diganti apabila sampai tempoh akhir hayatnya.

Kenderaan yang dilanjutkan perbatuan melebihi perancangan yang ditetapkan mungkin dikenakan caj perbatuan tambahan oleh syarikat pemajak.

- **Mengapakah anda perlu mengurangkan perjalanan?**

Organisasi patut mensasarkan untuk



mengurangkan bilangan dan jarak perjalanan. Langkah itu akan menjimatkan kos, mengurangkan kesan terhadap alam sekitar dan risiko kemalangan.

## **Perkongsian**

### • ***Siapakah yang patut terlibat dalam pemerolehan?***

Pengurus fleet, bahagian kewangan, bahagian perolehan dan pengguna kesemuanya perlu terlibat secara kerjasama bagi memastikan pemerolehan fleet yang sesuai. Pembelian mesti berpandukan garis panduan korporat seperti strategi kewangan dan keselamatan. Antara kaedah pembiayaan yang boleh dipertimbangkan termasuklah perjanjian sewa pajak, sewa beli dan pembelian terus.

### • ***Adakah anda perlu menggunakan hanya satu kaedah pemerolehan?***

Tidak, kerana mungkin terdapat alasan kewangan dan operasi yang kukuh untuk menggilirkan kaedah pemerolehan. Organisasi perlu mengkaji hal ini secara berkala dan memaklumkan kepada pengguna.

### • ***Apakah cara perkongsian lain yang perlu dipertimbangkan dalam strategi itu?***

Anda boleh mempertimbangkan kaedah sumberan luar (outsource) sebagai sebahagian daripada strategi terutama apabila peruntukan dalaman tidak memadai untuk mencapai tahap perkhidmatan yang diinginkan atau sekiranya kos peruntukan dalaman tidak kompetitif berbanding peruntukan luar.

Penyenggaraan kenderaan dan pengurusan fleet adalah dua perkara yang boleh dipertimbangkan dari sumber luar atau pihak ketiga.

## **Kelestarian**

### • ***Mengapakah faktor alam sekitar perlu diambil kira?***

Pembangunan lestari atau mapan adalah untuk memenuhi keperluan semasa dan masa depan tanpa menjejaskan kualiti kehidupan generasi seterusnya. Sektor pengangkutan

berhadapan cabaran getir kerana bergantung kepada minyak sebagai sumber tenaga utama. Kenderaan melepaskan CO<sub>2</sub> serta bahan cemar lain yang berbahaya terhadap alam sekitar dan kesihatan manusia.

Maka kecekapan tenaga adalah faktor alam sekitar utama yang perlu diberi perhatian. Ia juga merupakan faktor utama kewangan kerana kenderaan yang cekap bukan sahaja menggunakan kurang bahan api malah menikmati kadar pelepasan cukai yang lebih tinggi.

### • ***Bagaimanakah menetapkan sasaran untuk mengurangkan pelepasan CO<sub>2</sub>?***

Adalah penting untuk anda mengetahui jumlah CO<sub>2</sub> yang dihasilkan oleh kereta anda. Kerajaan Britain menggredkan kereta kepada beberapa tahap mengikut kuantiti CO<sub>2</sub> yang dilepaskan iaitu dari gred yang paling tinggi (sangat hijau) kepada gred yang paling rendah (sangat mencemarkan).

Satu sasaran yang mungkin boleh ditetapkan untuk organisasi adalah menggantikan kereta yang bergred rendah kepada yang lebih tinggi iaitu yang lebih mesra alam.

### • ***Apakah alternatif bagi petrol dan diesel?***

Kemajuan teknologi telah menghasilkan beberapa alternatif kepada bahan api fosil walaupun setakat ini ia

masih tidak boleh digunakan secara meluas berbanding kenderaan diesel atau petrol.

Salah satu daripada bahan api alternatif itu adalah biodiesel, yang dicampurkan dengan diesel biasa pada sukatan maksimum 5% tanpa menjejaskan jaminan pengeluaran. Ia dihasilkan dari sumber yang boleh diperbaharui iaitu tanaman seperti jagung, biji sesawi, tebu dan minyak sawit.

Sementara itu kenderaan hibrid menggunakan sistem hibrid selari, di mana enjin petrol memberikan kuasa utama, manakala motor elektrik sebagai sandaran apabila diperlukan. Ini mengurangkan pelepasan CO<sub>2</sub>.

Bagaimanapun kenderaan itu lebih sesuai untuk pemanduan dalam bandar yang sering mengalami kesesakan lalu lintas, di mana kenderaan tidak berpeluang atau tidak perlu dipandu laju. Teknologi hibrid boleh didapati dalam pelbagai kenderaan komersil dan persendirian.

Sebagai kesimpulan, kejayaan membangunkan strategi pengurusan fleet yang berkesan akan memberikan organisasi aset, iaitu kenderaan yang sesuai, tersedia, diyakini, selamat, berekonomi dan mesra alam.

*Disesuaikan daripada artikel asal di Fleet News*



# Hujan Jejaskan Tahap Pemanduan Dan Keadaan Jalan Raya

CUACA mempengaruhi pemanduan dan keselamatan. Hujan contohnya, mengakibatkan ribuan kes kemalangan jalan raya di negara ini setiap tahun. Kebanyakan kemalangan ini boleh dielakkan, namun berlaku akibat pemandu yang tidak dapat membezakan antara pemanduan dalam cuaca baik dan cuaca buruk.

Apabila jalan raya basah, lapisan air di atas asfalt menyebabkan tayar hilang cengkaman. Hujan lebat yang berpanjangan boleh mewujudkan lopak air yang dalam sekali gus kereta boleh hilang kawalan dan berpusing akibat biasan air (hydroplane).

Yang kurang disedari ialah hujan boleh menjejaskan perkiraan dan pertimbangan kita – lebih sukar untuk nampak ketika hujan – dan hujan juga mengurangkan tahap penglihatan kerana kesannya terhadap lampu, cermin kereta dan jalan raya itu sendiri.

Ramai di antara kita faham betapa pentingnya mengurangkan kelajuan ketika hujan, namun ada lagi beberapa petua yang boleh membantu kita semua supaya tidak menjadi sebahagian daripada statistik kemalangan ketika hujan.

## Amalkan

- Pandu perlahan; memandu laju adalah punca nombor satu kemalangan ketika hujan.
- Periksa tayar dan pengelap cermin depan bagi memastikan ia dalam keadaan baik.
- Beri isyarat awal jika mahu menukar lorong atau hala.
- Pasang lampu walaupun hujan renyai. Ini boleh membantu anda melihat dengan lebih baik, dan memudahkan orang lain melihat anda.
- Memandu mengikut bekas tayar kereta di hadapan anda untuk mendapatkan cengkaman lebih baik.
- Jika kereta anda meluncur akibat biasan air, pegang stereng dengan kemas dan tekan brek perlahan-lahan sehingga anda dapat mengawal semula keadaan.
- Sekiranya hilang kawalan, berhenti dan pasang isyarat kecemasan.
- Perhatikan tanda amaran elektronik jika ada.

## Jangan Amalkan

- Jangan hidupkan lampu kecemasan ketika memandu. Ini menyukarkan orang lain membezakan antara isyarat membelok dan mungkin mengelirukan kerana menyangka ia adalah tanda kecemasan.
- Jangan mengikut kenderaan berat terlalu dekat - percikan air daripada tayarnya boleh menjejaskan penglihatan.
- Jangan mengepam atau mengangkat kaki daripada pedal.
- Jangan memandu di dalam air yang mengalir sekiranya anda tidak boleh nampak permukaan jalan.
- Jangan memandu melebihi tahap penglihatan.
- Jangan memandu laju merentasi air yang bertakung kerana boleh menyebabkan biasan air.
- Jangan brek ketika melalui selekoh.
- Jangan membrek dengan kuat - ini boleh menyebabkan kereta tergelincir atau hilang kawalan.
- Jangan bertukar-tukar lorong di antara kereta – pemandu lain tidak boleh menjangka tindakan anda.



*Hujan mendedahkan pengguna jalan raya kepada pelbagai risiko kemalangan kerana cuaca basah menyebabkan tahap pemanduan dan keadaan jalan terjejas.*

Ketahui bahawa perniagaan bengkel dan tunda kereta meningkat ketika musim hujan. Kebanyakannya akibat pemandu yang tidak dapat menyesuaikan diri dengan cuaca basah atau melaraskan kelajuan ketika hujan. Justeru walaupun anda yakin memandu dalam hujan lebat namun sentiasalah berwaspada bagi memastikan keselamatan terus memihak kepada diri kita.



# Tip Menghadapi Banjir Kilat



GEJALA pemanasan global menyebabkan hujan lebat kerap turun tanpa henti di merata-rata tempat. Berikutan fenomena itu, banjir kilat kini sudah menjadi perkara lumrah. Ia boleh berlaku seantas kilat yang melumpuhkan sistem pengangkutan, memusnahkan harta benda dan mengorbankan nyawa.

Banjir kilat turut melanda pusat bandaraya Kuala Lumpur selain bandar-bandar besar yang lain seperti Kajang, Shah Alam, Petaling Jaya, Kuching dan Kota Kinabalu yang merosakkan banyak kenderaan termasuk fleet SPANCO.

Bagi menghadapi bencana alam ini, anda harus lebih berhati-hati terhadap kejadian air yang naik mendadak atau melimpah secara tiba-tiba. Pelanggan SPANCO dinasihatkan supaya:

- Peka terhadap cuaca semasa dan persekitaran.
- Prihatin dengan kereta di bawah jagaan.
- Mengalihkan kereta ke tempat yang lebih tinggi dan selamat jika berlaku hujan lebat yang berterusan.
- Tidak meredah jalan yang ditenggelami air.
- Jika kereta ditenggelami air, jangan biarkan terendam terlalu lama.
- Jika terperangkap, minta bantuan

orang ramai untuk menolak kereta keluar dari dalam banjir.

- Segera menghubungi SPANCO di talian bebas tol **1-800-88-6999**, untuk bantuan.
- Melayari laman web <http://publicinfobanjir.water.gov.my/> untuk mendapatkan maklumat banjir terkini.

Jika anda terpaksa mengharungi jalan yang ditenggelami air, disarankan supaya:

- Seboleh-bolehnya cari jalan alternatif terlebih dahulu.
- Beri laluan kepada kenderaan berat.
- Anggarkan paras air dengan melihat ketinggian pada tayar kenderaan berat.
- Jika paras air di bawah satu kaki, boleh meneruskan pemanduan tetapi hendaklah dengan perlahan bagi mengelak percikan air.
- Jangan memandu laju kerana boleh menyebabkan enjin dibasahi air dan pengguna jalan raya yang lain khususnya penunggang motosikal dan pejalan kaki terkena percikan.
- Sebaik saja melepasi jalan yang dinaiki air, jangan terus memecut kerana sistem brek masih tidak berfungsi dengan baik berikutan permukaan lapik brek yang basah.

Paling penting, keselamatan diri dan ahli keluarga hendaklah sentiasa menjadi keutamaan dalam menghadapi situasi cemas susulan banjir kilat.



Bagi menghadapi bencana alam ini, anda harus lebih berhati-hati terhadap kejadian air yang naik mendadak atau melimpah secara tiba-tiba.





## Memandu Dengan Selamat Apabila Usia Meningkat –

# Bagaimanakah Kesihatan Fizikal Anda?

KEKUATAN dan kecekapan selain koordinasi serta kelenturan yang semakin kurang boleh memberi kesan besar terhadap keupayaan anda untuk memandu kereta dengan selamat.

Dalam terbitan lalu, PRIHATIN memaparkan bagaimana daya penglihatan yang baik adalah penting untuk pemanduan. Dalam terbitan kali ini, anda akan dipaparkan mengenai bagaimana kecergasan fizikal boleh memberi kesan terhadap keupayaan memandu dan kaedah untuk mengatasinya.

### Adakah anda mempunyai simptom penurunan kecergasan seperti berikut?

- Anda berasa sukar menoleh ke belakang bagi menukar laluan atau melihat kiri dan kanan di simpang.
- Anda mempunyai masalah menggerakkan kaki dari pedal minyak ke pedal brek atau tangan untuk memusing stereng.
- Anda pernah terjatuh atau rebah sekali atau lebih pada tahun lalu.
- Anda berjalan kurang daripada 500 meter sehari.
- Anda tidak boleh mengangkat tangan lebih tinggi daripada bahu anda.
- Lutut, kaki atau buku lali anda berasa sakit apabila menaiki atau menuruni anak tangga.

### Apa yang anda boleh lakukan

- 1 Dengan nasihat doktor, anda boleh membuat senaman regangan dan memulakan program berjalan kaki. Berjalanlah di sekeliling kawasan rumah atau pusat beli-belah. Periksa juga kelab, pusat warga emas, kolej dan hospital jika mereka mempunyai program khusus untuk warga emas.
- 2 Dapatkan pemeriksaan doktor jika anda rasa sakit atau terdapat bengkak pada kaki. Jika anda berasa sakit atau kaku pada tangan, kaki atau leher, doktor mungkin akan memberi ubat dan/atau mencadangkan terapi fizikal.
- 3 Pilih kereta automatik dengan stereng dan brek kuasa. Berjumpa dengan pakar yang boleh mengesyorkan alat khas untuk memudahkan anda mengawal stereng dan pedal.
- 4 Hindarkan 'blind spot' dengan melaraskan cermin sisi anda. Jika anda menggunakan cermin bersudut luas, latih diri anda untuk mengagak jarak kereta lain sebelum menggunakannya di jalan raya.
- 5 Sentiasa berwaspada terhadap bunyi di luar kereta anda. Hadkan perbualan antara penumpang dan bunyi latar dari radio atau CD. Jika anda menggunakan alat bantuan pendengaran, berhati-hati ketika membuka tingkap kereta kerana deruan angin kadang kala boleh menjejaskan keberkesanan alat itu.



- 6 Awasi lampu amaran daripada kenderaan kecemasan. Anda mungkin tidak dapat mendengar bunyi siren dari jauh.
- 7 Duduk sekurang-kurangnya 10 inci dari stereng bagi mengurangkan kebarangkalian mendapat kecederaan daripada beg udara. Sentiasa menggunakan tali pinggang keledar.

Demikianlah beberapa tip bagi mengatasi masalah kemerosotan kecergasan yang lazim dialami warga emas. Dalam keluaran akan datang, anda akan didedahkan pula dengan kaedah mengurangkan kesan daripada penurunan daya tumpuan dan masa tindak balas supaya dapat kekal memandu dengan selamat.



Kecergasan fizikal boleh memberi kesan terhadap keupayaan memandu.



MENYEDIAKAN PENYELESAIAN  
MENYELURUH DALAM PENGURUSAN FLEET  
UNTUK KEMENTERIAN DAN JABATAN  
PERSEKUTUAN DENGAN KENDERAAN  
BERJUMLAH HAMPIR 10,000 BUAH DI  
SELURUH NEGARA.



#### MANFAAT KEPADA PELANGGAN-PELANGGAN SPANCO

- penggantian kenderaan pada kitaran yang tetap
- kenderaan yang sentiasa dijaga rapi
- tahap kesediaan kenderaan yang lebih tinggi pada 98%
- pengurusan tuntutan kemalangan dan litigasi
- pengurusan kesalahan trafik dan saman
- pusat panggilan bebas tol 24 jam
- khidmat bantuan kecemasan 24 jam
- khidmat tunda 24 jam
- laporan dan analisis fleet terperinci
- maklumat sejarah kenderaan
- pengurusan pemeriksaan PUSPAKOM
- khidmat pemasangan dan pengubahsuaian kenderaan

#### SPANCO Sdn Bhd (172957-U)

2, Jalan Murai Dua,  
Batu Complex 51100 Kuala Lumpur  
Tel: 03 - 6253 2888 Faks: 03 - 6253 0623

#### Pusat Servis Wilayah Batu Caves

No. 2, Jalan Perusahaan 2  
Kawasan Perusahaan Batu Caves  
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan  
Tel: 03 - 6192 8888 Faks: 03 - 6192 8889

#### Pusat Servis Wilayah Bangi

No. 33 Jalan P/21, Taman Industri Selaman Seksyen 10,  
43650 Bandar Baru Bangi,  
Selangor Darul Ehsan.  
Tel: 03 - 8920 1990 Faks: 03 - 8920 1992







**Melintas jalan bukan  
satu permainan.  
Sentiasa awasi  
anak-anak anda.**



**Jaga Keselamatan Anak Anda Semasa Melintas.  
Anda Mampu Mengubahnya.**